



Siaran
AKHBAR

KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA

MOD.100/2/1/2 JLD 4 () 02/06 (BM)

**MESYUARAT MENTERI-MENTERI PERTAHANAN ASEAN PLUS KE-8
(8TH ADMM-PLUS)**

Mesyuarat Menteri-Menteri Pertahanan ASEAN Plus (ADMM-Plus) ke-8 telah berlangsung pada 16 Jun 2021 melalui sidang video. Mesyuarat tersebut telah dipengerusikan oleh Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (Bersara) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Md Yussof, Menteri Pertahanan II Brunei Darussalam, selaku Pengerusi ADMM 2021. Menteri Kanan Pertahanan, YB Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob telah mengetuai delegasi Malaysia ke mesyuarat ini secara maya.

Mesyuarat ADMM-Plus ke-8 melibatkan Menteri-Menteri Pertahanan atau wakil dari negara anggota ASEAN dan lapan negara rakan dialog Plus (Amerika Syarikat, Australia, China, India, Jepun, New Zealand, Republik Korea, dan Rusia) serta Setiausaha Agung ASEAN. Semasa sesi pertukaran pendapat, YB Dato' Sri Ismail Sabri menekankan pentingnya kerjasama antara negara dalam memerangi wabak COVID-19, dan peranan sektor pertahanan yang semakin meningkat dalam mendepani isu keselamatan manusia (*human security*) yang perlu ditangani secara holistik.

YB Dato' Sri Ismail Sabri juga menekankan bahawa ruang siber yang bersifat dinamik memerlukan sektor pertahanan untuk sentiasa berwaspada dan peka, terutamanya terhadap ancaman siber yang boleh menggugat kestabilan negara. Beliau menjelaskan pandangan Malaysia bahawa kerjasama serantau dalam keselamatan siber, terutamanya melalui ASEAN merupakan cara terbaik untuk menangani ancaman siber dan membina keyakinan serantau.

Mengenai Laut China Selatan, YB Dato' Sri Ismail Sabri mengulangi pendirian Malaysia bahawa semua pihak perlu bekerjasama untuk memastikan keamanan, keselamatan dan kestabilan di Laut China Selatan, dan menyeru semua pihak agar lebih bersederhana dalam tingkah laku mereka di Laut China Selatan. YB Dato' Sri Ismail Sabri juga telah menekankan bahawa Malaysia tidak akan berkompromi terhadap isu-isu berkaitan keselamatan dan kedaulatan negara.

Mesyuarat ADMM-Plus ke-8 diakhiri dengan Deklarasi Bandar Seri Begawan oleh ADMM-Plus bagi meraikan ulang tahun ke-15 ADMM. Semua negara bersetuju supaya ADMM terus menjadi platform utama kerjasama pertahanan multilateral di rantau ini, dengan ASEAN sebagai peneraju utama. Penyertaan Malaysia dalam mesyuarat ini menandakan komitmen berterusan Malaysia terhadap diplomasi pertahanan melalui kerjasama pertahanan dua hala dan pelbagai hala. Malaysia mengucapkan tahniah kepada Brunei Darussalam atas kejayaan pengajuran mesyuarat ADMM-Plus ke-8 selaku Pengerusi ASEAN 2021.

-TAMAT-

**“PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“PERTAHANAN NEGARA TANGGUNGJAWAB BERSAMA”**

Kementerian Pertahanan Malaysia
16 Jun 2021